

Pada 1 & 2 Julai 2013 yang lalu telah diadakan satu bengkel "Strategic Consultation 4 On Inter-sector Water Demand Management" bertempat di Putra World Centre (PWTC), Kuala Lumpur anjuran Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia dan MOSTI. Bengkel ini bertujuan mendapatkan pandangan dan idea berkenaan kepentingan pengurusan permintaan air untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 dan tahun-tahun seterusnya. Tuan Hj. Md Khairi Bin Selamat, Pengarah LUAS turut hadir bagi membentangkan kertas kerja bertajuk "Water Resources Management: Selangor's Perspective".

